

NO. SOALAN: 67

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN WONG LING BIU [SARIKEI]

TARIKH : 25 MAC 2014

SOALAN :

YB Tuan Wong Ling Biu [Sarikei] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan projek pembinaan satu *Health Clinic* yang bertempat di Lot 286 Block 121 *Sarikei Land District*. Tanah tersebut telah diambil alih oleh Kementerian untuk projek tersebut 5 tahun yang lepas, setakat manakah perancangan dan pelaksanaan projek tersebut. Kenapakah projek pembinaan klinik tersebut belum dimulakan.

Tuan Yang di-Pertua

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menyedari adanya keperluan untuk membina sebuah klinik kesihatan di Sarikei. Projek ini telah dimasukkan ke dalam *Rolling Plan Ketiga* (RP3) dan *Rolling Plan Keempat* (RP4) di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10). Walau bagaimanapun, disebabkan kekangan peruntukan bagi menampung semua projek-projek pembangunan yang dikenalpasti di seluruh Negara termasuk di Sarikei, projek ini tidak diluluskan. Namun begitu, Kementerian ini akan memohon semula semula projek ini di dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK-11).